



Pengarah Institut Teknologi MARA Ke-9

Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Awang Had bin Salleh

Tempoh Berkhidmat :

1 September 1978 – 15 Julai 1980

Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Awang Had bin Salleh dilantik menjadi Pengarah Institut Teknologi MARA (ITM) menggantikan Dato' Lokman Musa yang tamat tempoh pada 12 Ogos 1978. Perlantikannya berkuatkuasa 1 September 1978 hingga 15 Julai 1980. Semasa Pentadbirannya beliau telah membawa beberapa polisi yang menekankan kepada perubahan dan kemajuan bagi Institut Teknologi MARA (ITM).

Beliau dilahirkan di Kampung Bagan Pulau Betong, Balik Pulau, Pulau Pinang pada 24 Jun 1934 dan dibesarkan di kedah sejak berumur 5 tahun. Pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak (sehingga darjah IV) dan Sekolah Melayu Sungai Korok Lama (sehingga darjah VI) di Alor Setar. Pada tahun 1949 beliau telah ditawarkan bekerja sebagai seorang Guru Pelatih di Sekolah Melayu Gunong, Alor Setar. Beliau menyambung pelajaran selama tiga tahun di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak (1951-1954). Selepas itu beliau mengajar di Sekolah Melayu Derga, Alor Setar, Kedah (1954-1956). Beliau ditukarkan ke Sultan Abdul Hamid College sebagai Guru Bahasa Kebangsaan pada tahun 1957.

Selepas dilantik menjadi Pengarah Institut Teknologi MARA (1978-1980), beliau juga dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (1980-1984), Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (1984-1989).

Sumber :

Peristiwa Penting ITM 1956-1980
Shaping a Dream (1956-1999)